

HariTIBISedunia2003

"Kesihatan saya terjejas setelah lama terjebak dengan najis dadah. Kakak saya yang begitu bersimpati membawa saya ke hospital.

Saya disahkan mengidap Tibi yang teruk, dan telah dirawat dengan ubat anti Tibi. Selepas tiga minggu keadaan saya bertambah baik. Selera makan bertambah, dapat berjalan dan bergaul dengan pesakit-pesakit lain.

Saya pun meninggalkan rawatan Tibi sebab saya rasa sudah sihat. Anggota Klinik Dada melawat saya di rumah dan menasihatkan saya meneruskan rawatan Tibi.

Saya ingkar.

Enam bulan selepas itu kesihatan saya merosot semula. Saya dimaklumkan bahawa kuman Tibi yang menjangkiti saya telah menjadi kebal kepada ubat anti Tibi yang lepas.

Ini amat merbahaya dan memerlukan rawatan yang lama iaitu sekurang-kurangnya satu setengah tahun. Pemeriksaan telah dibuat ke atas keluarga saya. Amat malang sekali didapati kakak saya juga telah dijangkiti kuman Tibi. Saya rasa sungguh menyesal".

..En. K, 30 tahun, Malaysia

Rawatan yang tergendala adalah amat berbahaya kerana kuman Tibi akan menjadi lebih kebal kepada ubat anti Tibi yang biasa. Kuman Tibi ini lebih susah untuk dirawat dan mungkin tidak boleh dirawat langsung.



**"DOTS menyembuhkan saya-
DOTS juga boleh menyembuhkan anda"**